



TERENGGANU DARUL IMAN

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Tr. P.U. 12/93

**UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN
(MAJLIS DAERAH DUNGUN) 1992**

Tarikh penyiaran :

8 Julai 1993

Tarikh mula berkuatkuasa :

8 Julai 1993

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

- Undang-undang kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
- Undang-undang kecil 2. Tafsiran.
- Undang-undang kecil 3. Kesalahan-kesalahan.
- Undang-undang kecil 4. Kemasukan anjing-anjing atau binatang.
- Undang-undang kecil 5. Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang.
- Undang-undang kecil 6. Kereta melebihi dua tan dilarang.
- Undang-undang kecil 7. Meletak kereta sembarangan dilarang.
- Undang-undang kecil 8. Kelakuan tidak sopan.
- Undang-undang kecil 9. Penutupan taman.
- Undang-undang kecil 10. Penalti.

Mukadimah

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (F) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Dungun membuat, dan menurut seksyen 103, Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-Undang kecil berikut:-

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Taman (Majlis Daerah Dungun) 1992** dan hendaklah terpakai bagi kawasan Majlis Daerah Dungun dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

2. Tafsiran.

Dalam undang-undang kecil ini melainkan, jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain: -

“kereta motor” ertinya tiap-tiap kereta yang digerakkan oleh jentera yang terdapat di dalamnya dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan, dan termasuklah trailer;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Dungun;

“struktur” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, warung, meja, tiang, tiang sandar, tempat berteduh, kepungan beratap atau apa-apa sambungan atau apa-apa bangunan lain dari apa-apa jua bahan;

“taman” termasuklah kawasan lapang, siar-kaki di tasik, taman rekreasi atau hiburan, bulatan, batasan tengah sepanjang jalan, sisian jalan, jalan rizab, anak sungai, sungai, tebing sungai atau mana-mana perkarangan yang disenggara atau di bawah bidangkuasa Yang Dipertua;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Dungun dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

3. Kesalahan-kesalahan.

Mana-mana orang yang di dalam mana-mana taman yang;

- (a) mengalih atau merosakkan apa-apa notis atau undang-undang kecil yang dipamirkan di dalamnya;
- (b) membawa bersama-samanya atau menampalkan atau menegakkan apa-apa bil, pelekat, notis, panji-panji, bendera atau iklan pada atau di atas sesuatu tembok, pokok, pagar atau struktur;
- (c) menggunakan apa-apa peluang, penguatsuara, sistem siaraya atau lampu tumpu;
- (d) mengalih, memindah, merosakkan atau mencacatkan mana-mana tempat duduk perkakas, tempat permainan kanak-kanak atau lain-lain peralatan.
- (e) menempatkan, melonggok atau membuang atau menyebabkan atau membenar ditempatkan, dilonggokkan atau dibuangkan apa-apa debu, abuk, kertas, abu, bangkai binatang, sampah kotak, tong, bungkusan atau lain-lain artikel, atau menjatuhkan, menumpahkan, atau menabur apa-apa abuk. Pasir, tanah, batu kelikir, tanah gembur, batu, rumput, jalan, sisian jalan, jalan rizab, jerami, ketaman, abuk papan, sampah kebun, sampah kandang ternakan, sampah perdagangan, baja, sampah sarap, atau apa-apa benda atau bahan lain daripada kereta yang bergerak atau tidak bergerak atau dengan apa-apa cara lain atau membuang, meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau apa-apa artikel atau barang lain;
- (f) memanjat mana-mana tembok, pagar, struktur atau pokok;
- (g) menunggang atau memandu basikal atau kereta motor di atas mana-mana rumput atau lorong pejalan kaki;
- (h) berjalan di atas batas bunga atau pokok-pokok ranik;
- (i) memotong, mengalih, merosakkan atau memusnahkan mana-mana bunga, tempat duduk, tumbuh-tumbuhan atau pokok-pokok;
- (j) mengalih mana-mana rumput atau mengorek mana-mana tanah;
- (k) melontar atau membuang apa-apa batu atau lain-lain pelempar;
- (l) mandi di dalam mana-mana kolam atau anak sungai kecuali di suatu tempat mandi ditetapkan oleh Yang Dipertua bagi maksud itu;
- (m) mengalirkan atau menyebabkan dialir apa-apa benda buangan atau cecair buangan daripada mana-mana premis ke dalam sesebuah tasik atau anak

sungai (dalam taman) dan yang mencemar atau mungkin mencemarkan tasik atau anak sungai itu;

- (n) menggunakan sampah, atau memancing di dalam mana-mana tasik atau anak sungai kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua atau mengganggu dengan apa-apa cara akan aliran air daripada mana-mana tasik yang melimpahi alur air;
- (o) memasang api atau membakar bunga api atau mercun atau melepaskan tembakan dari apa-apa senjata api atau senapang angin dengan tiada sebab yang sah yang mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (p) bermain layang-layang atau apa-apa permainan bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu;
- (q) berumur lebih daripada 12 tahun, menggunakan apa-apa perkakas tempat permainan kanak-kanak;
- (r) membasuh atau mengeringkan sesuatu atau menepuk apa-apa permaidani atau tikar;
- (s) menegakkan apa-apa struktur tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (t) mendedah untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda atau makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat dan pada masa-masa yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (u) bersyarah atau menyampaikan apa-apa ucapan di hadapan khalayak ramai atau berkumpul di dalam taman bagi maksud mengadakan atau mengambil bahagian dalam apa-apa mesyuarat agama, politik atau apa-apa mesyuarat lain atau mengadakan sesuatu tunjuk perasaan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua terlebih dahulu;
- (v) menggunakan apa-apa bahasa yang lucah atau sumbang atau berkelakuan lucah atau sumbang;
- (w) menghalang Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa bertulis olehnya dalam menjalankan tugas-tugasnya; atau
- (x) menjaga atau membasuh kereta motor tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis terlebih dahulu;

adalah melakukan sesuatu kesalahan.

4. Kemasukan anjing atau binatang.

(1) Tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di dalam jagaannya masuk atau berada di dalam sesuatu taman kecuali anjing yang bertali atau di bawah pengawalan yang sempurna.

(2) Di mana suatu notis telah ditampalkan oleh Yang Dipertua melarang kemasukan anjing ke dalam sesuatu taman, tiada seorang pun boleh menyebabkan atau membiarkan mana-mana anjing kepunyaannya atau yang di dalam jagaannya masuk atau berada dalam taman itu.

5. Menjerat atau membunuh binatang dan burung adalah dilarang.

(1) Tiada seorang pun boleh menjerat atau membunuh apa-apa binatang atau burung di dalam sesuatu taman atau memiliki dalam sesuatu taman apa-apa alat atau alatcara untuk menjerat binatang atau burung.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis boleh mensita alat atau alatcara daripada mana-mana orang di dapati berada dalam taman itu.

6. Kereta melebihi dua tan dilarang.

Tiada kereta motor selain daripada kepunyaan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun yang mempunyai berat muatan lebih daripada dua tan boleh memasuki sesuatu tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

7. Meletak kereta sembarangan dilarang.

Tiada kereta motor atau basikal boleh diletak di mana-mana tempat dalam sesuatu taman, kecuali di suatu tempat yang disediakan untuk meletak kereta motor atau basikal.

8. Kelakuan tidak sopan.

(1) Mana-mana orang yang di dapati berkelakuan dengan cara tidak sopan dalam sesuatu taman adalah melakukan sesuatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini boleh diperintahkan keluar dari sesuatu taman oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya atau pegawai polis dan boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

(3) Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah di bawah perenggan (2) boleh diusir keluar dari taman itu dengan menggunakan kekerasan yang berpatutan.

9. Penutupan taman.

Yang Dipertua boleh menutup sesuatu taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila masa.

10. Penalti.

Mana-mana orang yang bertindak melanggar mana-mana daripada peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara dan mengenai kesalahan yang berterusan sejumlah wang tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari dalam masa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.